

Asas-asas Dakwah dalam Pembinaan Hukum Islam. Prof. Madya Dr. Ab. Aziz bin Mohd. Zin. *Abstract*. *During the days of the Prophet (peace be upon him), Islamic law was easily accepted by the people. The thesis of the current article is that the situation was so because Islam was brought to the people by means of *dakwah*, not by force. Hence, the discussion here is focused on the principles of *dakwah*.*

Asas-asas Dakwah dalam Pembinaan Hukum Islam

Prof. Madya Dr. Ab. Aziz bin Mohd. Zin

Abstract

*During the days of the Prophet (peace be upon him), Islamic law was easily accepted by the people. The thesis of the current article is that the situation was so because Islam was brought to the people by means of *dakwah*, not by force. Hence, the discussion here is focused on the principles of *dakwah*.*

Pendahuluan

Islam diterima melalui dakwah. Namun, maksud dakwah di sini berdasarkan suatu pengertian yang umum, iaitu apa sahaja keadaan yang boleh mempengaruhi jiwa sasaran untuk menerima Islam.

Penerimaan Islam melalui dakwah bererti penerimaan Islam dengan suatu kefahaman, kesedaran dan kerelaan hati. Ia tidak diterima secara terpaksa atau tekanan, kerana cara tersebut selain daripada bertentangan dengan konsep dakwah, tidak berguna kepada sasaran yang berkenaan kerana tidak sesuai dengan tabiat manusia. Dengan itu, dasar dakwah telah menetapkan bahawa tiada paksaan untuk membawa seseorang kepada Islam.

Memahami Istilah

Beberapa istilah perlu dijelaskan terlebih dahulu sebelum dilanjutkan perbincangan dalam tajuk ini.

Asas berasal daripada perkataan Arab (*al-Asas*). Dalam bahasa Arab, *al-asas* bererti asal atau tapak bagi sesuatu, seperti binaan. Ia juga bererti perkara yang mula-mula bagi sesuatu benda.¹

Dalam penggunaan bahasa Malaysia, pengertian tersebut ada persamaan. Dr. Teuku Iskandar menjelaskan asas bererti dasar, tapak dan sandaran.² Dengan yang demikian, asas dakwah bererti dasar dan tapak yang menjadi sandaran dalam dakwah, supaya sasaran dapat menerima hukum syarak dengan kefahaman dan kesedaran, bukan secara dipaksa.

Dari pengertian tersebut maka tajuk untuk diperbincangkan bererti segala hukum Islam, sama ada berbentuk suruhan atau larangan yang disampaikan kepada orang Islam (sasaran) untuk penghayatan mereka diterapkan melalui satu cara yang membolehkan mereka menerima dan menghayati ketetapan hukum tersebut dengan kefahaman dan kerelaan, tanpa berasa dipaksa dan ditekan yang boleh membawa kepada pemberontakan jiwa.

Asas-asas Dakwah

Tokoh-tokoh dakwah tidak menentukan secara tepat bilangan asas-asas dakwah. Namun begitu, pada pokoknya asas dakwah itu boleh disenaraikan sebagaimana berikut:

1. Pembinaan tapak.
2. Penjelasan yang nyata dan senang difaham.
3. Tidak dilakukan secara mendadak, tetapi beransur-ansur.
4. Tidak memayahkan, malah memudahkan.
5. Tidak menakut dan meliarkan, malah mengembirakan dan menjinak-jinak.
6. Menerangkan sebab di sebalik sesuatu ketetapan hukum.
7. Tersusun mengikut kepentingannya.
8. Penekanan mengikut kesesuaian sasaran.

Pembinaan Tapak

Tapak ialah asas bagi sesuatu benda. Dalam konteks bangunan, tapak terlalu penting, kerana perkara utama untuk menentukan kekuatan bangunan itu ialah kekuatan tapak. Dalam konteks Islam, tapak adalah akidah. Syed Sabiq menjelaskan bahawa akidah merupakan tapak yang terdiri di atasnya segala hukum Islam, termasuk bahagian-bahagian *furu* 'nya. Pembinaan akidah merupakan asas dakwah yang utama.

Dr. 'Ali ibn Muhammad Nasir al-Faqihi menjelaskan bahawa akidah Islam adalah asas kepada pembinaan hukum syarak dan sesuatu binaan (hukum syarak) tidak akan sempurna jika ia tidak dilandaskan di atas asas yang kuat.³

Dari segi sejarahnya, dakwah Nabi s.'a.w. di Mekah selama 13 tahun banyak ditumpukan dalam pembinaan akidah. Tujuannya, apabila pembinaan akidah sudah cukup matang, segala apa yang disyarakkan selepas itu akan dapat diterima oleh sasaran. Malah, dengan kematangan akidah segala apa yang dihadapi oleh orang Islam, seperti penderitaan, kekejaman dan penyeksaan sehingga membawa kematian akan dapat ditanggung dengan tenang.⁴

Dr. Muhammad ‘Uthman Najati menjelaskan bahawa kekuatan iman yang didasarkan di atas akidah yang mantap menjadi daya yang kuat bagi sasaran untuk melepaskan diri daripada terus bergelombang di dalam adat dan ikutan yang buruk, untuk diganti dengan ikutan yang baru dibawa. Atas sebab tersebut kebanyakan ayat al-Quran yang diturunkan di Mekah, terutamanya pada peringkat permulaan adalah berhubung dengan pembinaan asas-asas akidah dan tawhid. Kesan daripada kemantapan asas tersebut orang Islam, walaupun baru memeluk Islam bersedia dengan senang hati untuk menerima apa sahaja perintah.⁵

Beliau menambah, kekuatan akidah sangat perlu untuk pembinaan hukum. Kalau tidak, ia tidak akan mendapat kesan yang baik di kalangan orang Islam. Dengan itu, kebanyakan hukum syarak dibina di Madinah, iaitu setelah keimanan orang Islam teguh di dalam diri umatnya.⁶

Dalam hal ini al-Sayyidah ‘Aisyah menyebut, sekiranya al-Quran, pada peringkat permulaan terus memberitahu sasarannya tentang hukum halal-haram, melarang jangan meminum arak dan melarang melakukan zina sudah tentu mereka tidak akan mematuhiinya. Tetapi, al-Quran memulakan dengan kepercayaan kepada Allah dan keadaan-keadaan selepas mati, iaitu mengenai nikmat syurga dan azab neraka. Setelah kepercayaan mengenai perkara-perkara tersebut bersebatil dalam jiwa mereka, maka barulah diberitahu hukum-hukum selanjutnya.⁷

Kenyataan-kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa dengan adanya pembinaan tapak dalam Islam (akidah) memudahkan pembinaan hukum di atasnya, supaya kedua-duanya bertaut dengan mantap.

Penjelasan yang Nyata dan Senang difaham

Segala pengajaran atau mesej dakwah yang disampaikan kepada sasaran, terutamanya perkara-perkara asas dilakukan dengan jelas dan nyata, supaya ia senang difaham dan tidak membawa kepada silap pengertian. Dalam hal ini Allah menjelaskan yang maksudnya:

“Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya, dan berhati-hatilah. Jika kamu berpaling, maka ketahuilah bahawa sesungguhnya kewajipan Rasul Kami hanyalah menyampaikan agama Allah dengan terang”
(al-Maidah: 92)

Ayat di atas memberi pengertian bahawa Nabi s.a.w. telah menjelas dan menerangkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah dan selepas penjelasan yang terang dan nyata ini dibuat, terpulanglah atas setiap orang untuk menerima risikonya, jika dia tidak mahu mematuhiinya.⁸

Dalam ayat lain Allah menjelaskan yang maksudnya:

“Maka tidak ada kewajipan ke atas rasul-rasul, selain dari menyampaikan agama Allah dengan terang”
(al-Nahl: 35)

Kedua-dua ayat tersebut menerangkan tugas Rasulullah s.'a.w. iaitu menyampaikan agama ini kepada sasaran dengan jelas dan nyata.

Dalam satu hadis 'Aisyah berkata yang maksudnya:⁹

"Percakapan Rasulullah s.'a.w. adalah suatu percakapan yang jelas yang boleh difaham oleh sesiapa sahaja yang mendengarnya"

Ali bin Abi Talib pula berkata yang maksudnya:¹⁰

"Bercakaplah dengan sasaran mengikut kefahaman mereka..."

Keterangan-keterangan di atas menunjukkan bahawa penerangan yang jelas terhadap segala pengajaran yang disampaikan kepada sasaran merupakan asas kepada penyampaian dakwah, supaya sasaran dapat memahami apa sahaja yang disampaikan kepada mereka tanpa ada silap faham. Asas tersebut digunakan sama dalam pembinaan hukum, supaya sasaran dapat memahaminya dengan jelas.

Tidak Dilakukan Secara Mendadak, tetapi Beransur-ansur

Dakwah membawa pengajaran kepada sasaran secara beransur-ansur, tidak sekaligus. Dilihat dari sudut sejarahnya ia dibina peringkat demi peringkat dalam masa 23 tahun. Tujuannya, supaya ia tidak memberatkan sasaran melaksanakan hukum-hukum yang ditetapkan.

Najati menyebut bahawa kajian-kajian ahli psikologi menemui bahawa penerimaan pelajaran yang diselangi dengan masa-masa rehat boleh menolong seseorang menerima pelajaran itu dengan baik, cepat dan mantap. Pelajaran yang diberikan kepada sasaran dengan diagihkan dalam jangka masa tertentu lebih baik daripada ia dilonggarkan dalam satu masa sahaja.¹¹

Cara tersebut menjadi dasar kepada pengajaran yang dibawa oleh al-Quran. Dengan itu, ia tidak diturunkan sekaligus. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan al-Quran itu Kami turunkan dengan beransur-ansur agar kamu membacanya perlahan-lahan kepada manusia dan Kami menurunkannya bahagian demi bahagian"

(al-Isra': 106)

Al-Qurtubi (m.671H/73M) ketika menafsirkan ayat tersebut antara lain menjelaskan bahawa Kami menurunkan al-Quran dalam keadaan ayat demi ayat dan surah demi surah. Sekiranya Kami mengenakan semua kewajipan dalam satu masa sahaja, sudah tentu mereka (sasaran) akan lari.¹²

Atas asas tersebut kewajipan pokok dalam Islam yang difardukan pada peringkat permulaannya adalah secara bertaburan, kemudian diamalkan sampai sekarang secara bertaburan. Fardu sembahyang dikenakan dalam masa 18 bulan sebelum Nabi s.'a.w. berhijrah ke Madinah. Kewajipan zakat dikenakan pada tahun kedua Hijrah.

Kewajipan puasa dikenakan pada tahun kedua Hijrah, iaitu selepas sebentar

diwajibkan zakat. Kewajipan haji dikenakan pada tahun kesembilan Hijrah.

Nabi s.‘a.w berpesan kepada Mu‘az ibn Jabal yang akan diutus ke Yaman dengan kata baginda yang bermaksud:

“Engkau diutuskan kepada satu golongan yang terdiri daripada ahli kitab. Maka usaha pertama ialah mengajak mereka supaya memeluk Islam, iaitu dengan mengucap Dua Kalimah Syahadah. Jika mereka menerima, maka ajarlah mereka dengan sembahyang yang telah difardukan oleh Allah sebanyak lima waktu dalam masa sehari semalam. Jika mereka dapat menerima, maka beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan zakat yang diambil dari golongan kaya untuk diberikan kepada golongan miskin di kalangan mereka.”¹³

Demikian juga perbuatan-perbuatan yang ditegah, ia tidak dilarang secara kesemuanya dalam sekaligus. Di samping itu, proses larangan terhadap sesuatu perbuatan yang ditegah dilakukan peringkat demi peringkat.

Contoh yang boleh dibawa di sini ialah seperti pengharaman arak. Kalau dikaji keadaan masyarakat Arab pada masa Nabi s.‘a.w. didapati ia sebuah masyarakat yang dikuasai oleh arak. Walaupun banyak masalah yang timbul disebabkan oleh arak, seperti kerosakan moral dan ketagihan sehingga ada yang membawa kepada kematian, tiada tanda-tanda masyarakat akan melepaskan diri dari kekuasaan arak.¹⁴

Oleh kerana Islam membawa rahmat kepada manusia, sudah tentu memusuhi arak. Tetapi, bagi masyarakat jahiliah pada masa Nabi s.‘a.w. yang telah bersebat dengan arak bukan senang untuk melepaskan diri daripadanya. Silap langkah, larangan tidak akan berkesan.

Sesuai dengan tabiat manusia, larangan terhadap arak adalah berbentuk pemulihian. Bentuk tersebut merupakan satu daripada asas dalam dakwah. Caranya ialah dengan beransur-ansur dan menerangkan sebab-sebab kenapa ia dilarang di dalam Islam.

Peringkat pertama, menerangkan pembahagian makanan dan minuman, iaitu ada yang baik dan ada yang buruk. Firman Allah yang maksudnya:

“Dan dari buah korma dan anggur, kamu membuat minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda kebesaran Allah bagi orang yang memikirkannya”

(al-Nahl: 67)

Ayat tersebut menerangkan bahawa dari tamar dan anggur dijadikan dua benda yang berbeza, iaitu minuman yang memabukkan dan rezeki yang baik dan berfaedah. Benda yang pertama dikeji, manakala yang kedua dipuji.¹⁵

Peringkat kedua, cuba menerangkan bahaya arak yang lebih daripada faedahnya. Firman Allah yang maksudnya:

“Mereka bertanya kepadamu tentang arak dan judi, katakanlah, pada kedua-duanya itu terdapat dosa besar dan beberapa manfaat

bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar dari manfaatnya..."

(al-Baqarah: 219)

Peringkat ketiga, cuba menegahnya dalam masa-masa tertentu, iaitu ketika sembahyang. Firman Allah yang maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu sembahyang sedang kamu dalam keadaan mabuk, sehingga kamu mengerti apa yang kamu ucapkan..."

(al-Nisa': 43)

Peringkat keempat, pengharaman terus pada arak kerana ia tidak sesuai dengan manusia. Firman Allah yang maksudnya:

"Wahai orang-orang yang beriman, sesungguhnya arak, judi, korban untuk berhala dan mengundi nasib melalui panah adalah perbuatan keji, yang termasuk dalam perbuatan syaitan. Maka, jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan"

(al-Maidah: 90)

Dengan adanya peringkat-peringkat dan keterangan-keterangan sebab dalam tegahan terhadap arak sasaran tidak terasa satu beban untuk meninggalkannya. Cara tersebut mendapat kejayaan yang baik, kerana ia sesuai dengan jiwa manusia.

Begitu juga tentang pengharaman riba yang diamalkan secara berleluasa di kalangan masyarakat jahiliah pada masa Nabi s.'a.w., ia dibuat secara beransur-ansur melalui empat peringkat.

Peringkat pertama, Allah melahirkan bahawa Dia tidak sukakan riba.¹⁶ Peringkat kedua, Allah menjelaskan amaran-Nya kepada orang Yahudi yang selalu mengamalkan riba.¹⁷ Peringkat ketiga, Allah mengharamkan riba yang buruk yang menjadi amalan orang Arab jahiliah pada masa Nabi s.'a.w.¹⁸ Peringkat keempat, Allah mengharamkan riba secara putus dan jelas.¹⁹

Melalui cara tersebut, iaitu seperti contoh pengharaman arak dan riba membuatkan sasaran yang terlibat tidak rasa keciwa dan liar, atau paling tidak rasa berat atau beban untuk meninggalkan larangan itu. Malah, sasaran dapat menerimanya dengan senang, kerana cara tersebut mampu diikuti oleh manusia.

Tidak Memayahkan, malah Memudahkan

Agama Islam disampaikan kepada sasarannya dengan cara yang mudah, kerana Islam itu sendiri mudah, iaitu selaras dengan tabiat semulajadi manusia.

Melalui agama ini Allah ingin memudahkan manusia, terutamanya dalam kelonggaran hukum atas sebab-sebab yang munasabah.

Dalam hal ini Allah berfirman yang maksudnya:

"Allah menghendaki kemudahan bagi kamu, dan tidak menghendaki

kesukaran bagi kamu...

(al-Baqarah: 185)

Ayat tersebut berhubung dengan kelonggaran puasa Ramadan bagi orang sakit dan musafir, iaitu boleh ditangguhkan pada hari-hari lain. Tujuan kelonggaran tersebut ialah memberi kemudahan kepada manusia supaya tidak menjadi suatu kepayahan bagi mereka.²⁰

Dalam satu hadis, Nabi s.a.w berpesan kepada sahabat-sahabatnya dengan katanya yang bermaksud:²¹

Hendaklah kamu mempermudahkan dan jangan memayahkan.

Dalam hadis lain Nabi s.a.w mengingatkan sahabat-sahabatnya yang menjadi imam sembahyang supaya menimbangkan kedudukan orang lain dengan sabdanya yang bermaksud:²²

“Wahai orang ramai! Kamu meliarkan orang lain. Dengan itu, sesiapa yang sembahyang, maka hendaklah dia merengangkan atau memendekkan kerana di kalangan makmum ada yang sakit, lemah dan mempunyai hajat terdesak”

Atas dasar tersebut hukum Islam tidak beku dalam satu keadaan sahaja. Ia berubah mengikut kepentingan dan keupayaan sasarnya. Contoh yang boleh dilihat dalam hal ini ialah seperti kemudahan jamak dan kasar dalam sembahyang bagi orang musafir dalam jarak tertentu, meninggalkan puasa atau menangguhkannya dan tidak melakukan haji, bagi golongan-golongan tertentu.

Dengan adanya asas tersebut, sasaran berasa bahawa keadaan mereka diambil berat, dihormati dan diberikan sesuatu pertimbangan. Sebagai pembalasannya sasaran terasa hukum tersebut perlu dihormati.

Tidak Meliarkan, malah Menjinakkan

Antara asas dakwah terhadap sasarnya adalah menjinakkan. Asas tersebut digunasama dalam pembinaan hukum. Allah menerangkan penggunaan asas tersebut yang dilakukan oleh Nabi-Nya dengan firman-Nya yang bermaksud:

“Maka disebabkan rahmat dari Allah engkau berlaku lemah lembut terhadap mereka. Sekiranya engkau bercakap kasar dan berhati keras tentulah mereka menjauhkan diri dari engkau...”

(Ali Imran: 159)

Dalam satu hadis Nabi s.a.w. pernah berpesan kepada sahabat-sahabatnya dengan katanya yang bermaksud:²³

“Berikanlah khabar baik yang mengembirakan mereka dan janganlah meliarkan mereka”

Dalam hadis lain Nabi s.'a.w. menyebut satu perbandingan yang menjadi asas dakwah untuk pembinaan hukum, yang bermaksud:²⁴

"Perumpamaan aku dengan orang ini (seorang Badwi) adalah seumpama seorang yang mempunyai seekor unta yang satu ketika unta itu lari. Lalu orang ramai mengejarnya. Tetapi, semakin dikejar semakin jauh ia lari. Maka tuan unta itu berseru kepada orang ramai yang sedang mengejar-ngejar unta itu: Biarkanlah urusan ini aku sahaja yang menyelesaikannya, kerana aku lebih tahu perangainya dan lebih sayang kepadanya daripada kamu semua. Lalu dia dekati unta itu dengan diunjukkan kepadanya rumput kering sebagai umpan, sehingga unta itu datang kepadanya dan terus duduk bertakuk lutut. Maka orang itu memasang pelananya lalu duduk di atasnya. (Rasulullah menjelaskan), sekiranya aku membiarkan kamu, ia akan membawa kepada kemarahan dan kamu akan membunuhnya dan orang itu akan masuk neraka dalam kesesatannya"

Berdasarkan asas tersebut, maka segala hukum dapat diterapkan di kalangan orang Islam dengan agak senang, kerana ia dilakukan dengan cara tidak menakutkan mereka.

Menerangkan Sebab di Sebalik Sesuatu Ketetapan Hukum

Hukum Islam sesuai dengan tabiat semulajadi manusia. Segala ketetapannya dapat difikir oleh akal yang sempurna bahawa di sebaliknya ada sesuatu sebab yang jelas. Allah menentukan segala hukumNya ke atas manusia untuk kepentingan, keselamatan dan kesejateraan manusia itu sendiri.²⁵

Untuk menerangkan kedudukan tersebut, suruhan dan larangan yang terdapat dalam Islam selalunya diselitkan dengan sebab-sebab kenapa dikenakan demikian. Contohnya seperti sembahyang, yang suruhannya ada tujuan tertentu. Firman Allah yang maksudnya:

"Dan dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah kekejian dan kemungkar..."

(al-'Ankabut: 45)

Demikian juga seperti arak dan judi, yang larangan ke atas kedua-duanya kerana ada sebab-sebab tertentu. Firman Allah yang bermaksud:

"Sesungguhnya syaitan itu bermaksud hendak menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu lantaran arak dan judi, dan menghalang kamu dari mengingati Allah dan sembahyang, maka berhentilah kamu daripada melakukannya"

(al-Maidah: 91)

Ayat pertama di atas jelas menunjukkan faedah yang didapati di sebalik sembahyang, manakala ayat yang kedua menjelaskan akibat-akibat buruk di sebalik melakukan tegahan arak dan judi.

Mengikut ahli psikologi, pada pokoknya manusia digerakkan oleh dua dorongan. Pertama, dorongan untuk memenuhi keperluan yang jika keperluan ini terpenuh hidup manusia menjadi seimbang.

Kedua, dorongan untuk mengelakkan diri daripada bahaya atau perkara yang tidak disukai.²⁶

Dengan adanya penjelasan sebab pada sesuatu ketetapan hukum, sama ada yang disuruh atau yang dilarang maka sasaran akan faham kenapa ia disuruh atau dilarang yang kedua-duanya boleh menjadi dorongan untuk mereka bertindak.

Tersusun Mengikut Kepentingannya

Ketetapan hukum Islam dilakukan secara tersusun mengikut kepentingan masing-masing. Mana yang utama diutamakan dan mana yang kurang dikurangkan. Dalam satu hadis Nabi s.a.w. berpesan kepada Mu'az ibn Jabal yang diutus ke Yaman dengan kata baginda yang bermaksud:²⁷

"Engkau diutuskan kepada satu golongan yang terdiri daripada ahli kitab. Maka usaha pertama ialah mengajak mereka supaya memeluk Islam, iaitu dengan mengucap Dua Kalimah Syahadah. Jika mereka menerima, maka ajarlah mereka dengan sembahyang yang telah difardukan oleh Allah sebanyak lima waktu dalam masa sehari semalam. Jika mereka dapat menerima, maka beritahulah mereka bahawa Allah mewajibkan zakat yang dipungut dari golongan kaya untuk diberikan kepada golongan miskin di kalangan mereka..."

Hadis tersebut jelas menunjukkan bahawa perkara yang paling utama, iaitu mengucap Dua Kalimah Syahadah didahulukan dan begitulah tertib seterusnya.

Begitu juga dari sudut pelanggaran perkara yang ditegah, ia adalah seimbang. Jika tegahan itu kuat bererti bahayanya besar dan pembalasan ke atas pelanggarinya juga besar. Jika tegahan itu kurang bererti bahayanya kecil dan pembalasan ke atas pelangarnya juga kecil.

Sasaran akan menjadi senang untuk menerima sesuatu ketetapan hukum yang dilakukan secara teratur dan seimbang, kerana ia tidak membawa kepada kecelaruan dan kucar kacir, sama ada dari sudut kefahaman atau pelaksanaan.

Penekanan Mengikut Kesesuaian Sasaran

Antara asas dakwah ialah bahawa mesej yang disampaikan bersesuaian dengan tahap pemikiran sesuatu golongan sasaran. Atas asas tersebut Islam membina hukumnya, dengan memberi penekanan yang berbeza antara sasarannya. Keadaan tersebut dapat dilihat dalam beberapa bentuk yang dilakukan oleh Nabi s.a.w.

sebagai panduan.

Satu hadis menceritakan:²⁸

"Bahawa pada satu ketika ada kalangan sahabat bertanya Nabi s.'a.w.: Wahai Rasulullah, orang Islam macam mana yang lebih baik? Jawab baginda: Orang Islam yang lebih baik itu ialah apabila orang lain terselamat daripada gangguan keburukan lidah dan tangannya"

Hadis lain ada menyebut:²⁹

"Ada seorang sahabat bertanya Nabi s.'a.w.: Macam mana ciri Islam yang paling baik terdapat pada seseorang Islam? Jawab Nabi s.'a.w.: Seseorang memiliki ciri Islam yang lebih baik, apabila dia memberi makan kepada orang lain dan memberi salam kepada orang yang dikenali dan yang tidak dikenali"

Isu yang ditanya oleh sahabat-sahabat Nabi s.'a.w. dalam kedua-dua hadis di atas pada lahirnya adalah sama, iaitu mengenai orang Islam yang terbaik. Tetapi, jawapannya berbeza. Perbezaan tersebut berdasarkan keperluan sasaran yang sememangnya diketahui oleh Nabi s.'a.w.

Sayyidina 'Ali k.a.w pernah berpesan:³⁰

"Bercakaplah dengan orang lain berdasarkan kefahaman mereka (dalam lingkungan yang mereka boleh faham)"

Walaupun pesanan tersebut lebih menampakkan mengenai hal-hal yang menyentuh soal teknik dan pendekatan, namun ia menunjukkan bahawa perbezaan yang ada pada sasaran hendaklah diambil kira dalam sesuatu perkara yang hendak ditetapkan ke atas mereka.

Melalui asas-asas dakwah yang pada asalnya bertujuan untuk memudahkan orang bukan Islam memeluk Islam dan yang baru memeluk Islam dapat menerima segala pengajaran Islam, pembinaan hukum Islam juga berjalan sejajar dengan asas-asas tersebut, kerana tujuannya sama. Dengan penggunaan asas-asas tersebut, hukum Islam terbina di kalangan umat Islam terdahulu secara mantap.

Kesimpulannya ialah bahawa pembinaan hukum syarak masakini hendaklah berjalan seiring dengan asas-asas dakwah supaya ia dapat diterima oleh masyarakat Islam khususnya dengan kefahaman, kerelaan hati dan tanpa berasa suatu paksaan atau tekanan dalam diri.

NOTA HUJUNG

1. Louis Ma'luf, *al-Munjid*. Beirut, cet. 19, h. 10.
2. Dr. Teuku Iskandar, *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: DBP, 1986, h. 54.
3. Al-Faqihi, *Minhaj al-Qur'an fi al-Da'wah ila al-Iman*, 1984, h. 6
4. Dr. Mustafa al-Siba'i, *al-Sirah al-Nabawiyah Durus wa 'Ibar*. Beirut: al-Maktab al-Islami. hh. 47-48.
5. Najati, *al-Qur'an wa 'Ilm al-Nafs*. Kaherah: al-Syuruq, 1993, h. 188
6. *Ibid.* h. 190
7. Diriwayat oleh Bukhari, dipetik oleh Najati, *op.cit.*, h. 190.
8. Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Syuruq, 1977, muj. 2, h. 976
9. Abu Daud, *Sunan Abi Daud*. Mesir, 1952, J. 5, h. 172.
10. Ibn Hajar, *Fath al-Bari*, (Sharh lil-Bukhari). Riyadh: Maktabah al-Riyadh al-Hadithah, J. 1, h. 225.
11. Najati, *op.cit.*, h. 187.
12. Al-Qurtubi, *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1966, J. 10, h. 340.
13. Muslim, *Sahih Muslim*. Dar al-Ihya', Kaherah, cet. 1, 1955, J. 1, h. 5.
14. Dr. Jawad Ali, *al-Mufassal fi Tarikh al-'Arab Qabl al-Islam*. Bagdad, 1968, J. 4, hh. 665 dan 667.
15. Al-Sabuni, *al-Tibyan fi 'Ulum al-Qur'an*. 1980, h. 35.
16. Melalui Surah *al-Rum*, ayat 39.
17. Melalui Surah *al-Nisa'*, ayat 160-161.
18. Melalui Surah *Ali Imran*, ayat 130.
19. Melalui Surah *al-Baqarah*, ayat 275-276 dan 278-279.
20. Al-Sabuni, *Safwah al-Tafasir*. Beirut: Dar al-Qur'an, 1981, muj. 1, h. 122.
21. Ibn Hajar, *op.cit.*, J. 1, h. 163.
22. *Ibid.* h. 186.
23. Ibn Hajar, *loc.cit.*
24. Dipetik oleh M. Natsir, *Fiqh al-Da'wah*. Singapura: Pustaka Nasional, 1980, hh. 227-228
25. Dr. Ahmad Ahmad Ghalush, *al-Da'wah al-Islamiyah Usuluha wa Wasailuhu*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Misri, hh. 26 dan 34.
26. Siti Hawa Munji dan Ma'ruf Redzuan, *Pengantar Psikologi*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti, 1993, hh. 116-124.
27. Muslim, *Sahih Muslim*, *op.cit.*, J. 1, h. 5.
28. Ibn Hajar, *op.cit.*, J. 1, h. 54.
29. *Ibid.* h. 55.
30. Al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Istanbul, 1979, J. 1, h. 41.